



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021
DI KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Pembukaan Sekolah

- 1. Adakah sekolah di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) boleh beroperasi secara bersemuka?**

Ya.

- 2. Adakah semua murid akan hadir ke sekolah apabila sesi persekolahan 2021 bermula?**

Ya. Semua murid, termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) akan hadir ke sekolah dan belajar secara bersemuka mulai 20 Januari 2021 **KECUALI** murid berikut:

- Murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 3; dan
- Murid Aras 2 dan Aras 3 Kolej GENIUS @ Pintar (KGP) dan Kolej GENIUS Insan (KGI)

Mereka dalam dua kategori ini akan menjalani pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dan belajar secara bersemuka di sekolah mulai 8 Mac 2021.

- 3. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk menghantar dan mengambil anak/anak jagaan di sekolah?**

Ya.

- 4. Bagaimanakah sekolah yang mempunyai enrolmen yang tinggi menguruskan pergerakan pergi dan balik murid bagi mengelakkan kesesakan?**

Pihak sekolah boleh melaksanakan waktu persekolahan secara berperingkat setelah mendapat kelulusan pendaftar negeri. Bagi mengelakkan kesesakan, pihak sekolah boleh menguruskan pergerakan keluar masuk murid secara penggiliran, pandu lalu atau menyediakan ruang menunggu di lokasi bersesuaian.

Kemasukan Murid ke Asrama

- 5. Adakah semua murid yang tinggal di asrama boleh kembali ke asrama?**

Ya. Semua murid asrama boleh kembali ke asrama bermula 16 Januari 2021 dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah bukan dalam tempoh menjalani kuarantin.

- 6. Adakah murid yang tinggal di kawasan PKPB/PKPP boleh pulang ke asrama di kawasan PKP atau sebaliknya?**

Ya. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada murid bagi membolehkan mereka merentas negeri atau daerah untuk hadir ke sekolah.

- 7. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat anak/anak jagaan di asrama?**

Ya. Ibu bapa/penjaga perlu mematuhi garis panduan yang

ditetapkan.

- 8. Adakah murid dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam?**

Tidak.

Pergerakan Guru Dan Murid

- 9. Bilakah guru perlu berada di stesen tempat bertugas?**

Guru perlu berada di stesen tempat bertugas sebelum 20 Januari 2021.

- 10. Adakah semua pentadbir, guru dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru perlu hadir ke sekolah sepanjang tempoh PKPB/PKPP?**

Ya. Walau bagaimanapun, permohonan Bekerja dari Rumah (BDR) boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan dengan mengambil kira keperluan perkhidmatan dan tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

Pengoperasian Institusi Pendidikan Swasta (IPS)

- 11. Adakah semua IPS dibenarkan beroperasi secara bersemuka?**

Ya. Semua IPS yang berdaftar dengan KPM dibenarkan beroperasi.

- 12. Adakah IPS masih boleh meneruskan PdPR?**

Ya. IPS boleh meneruskan pelaksanaan PdPR mengikut kesesuaian.

Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

13. Bagaimanakah murid Tahun 1 untuk sesi persekolahan tahun 2021 boleh mengakses portal DELIMa?

Murid boleh mengakses Portal DELIMa menggunakan ID pengguna dan kata laluan DELIMa yang diberikan oleh pihak sekolah.

14. Bagaimanakah murid boleh memperoleh jadual rancangan TV Pendidikan?

Jadual rancangan TV Pendidikan boleh diperoleh melalui portal rasmi KPM dan platform media sosial KPM seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter @KemPendidikan*.

15. Adakah murid yang dikuarantin disebabkan COVID-19 perlu mengikuti PdP?

Ya. PdPR secara dalam talian atau luar talian boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian dan kesediaan guru serta murid.

Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)

16. Bilakah murid Tingkatan 5 tahun 2020 perlu memulangkan buku teks di bawah SPBT?

Selepas murid selesai menduduki peperiksaan SPM.

17. Bilakah murid selain murid Tingkatan 5 tahun 2020 perlu memulangkan buku teks dan mengambil buku teks baharu?

Pemulangan dan agihan buku teks akan dilaksanakan berdasarkan jadual pemulangan dan agihan secara berperingkat yang ditetapkan oleh pihak sekolah apabila sekolah dibuka.

18. Adakah murid Tingkatan 5 tahun 2021 akan menggunakan buku teks yang sama?

Tidak. Murid akan dibekalkan dengan buku teks Tingkatan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi kegunaan tahun 2021.

19. Bagaimanakah murid boleh mendapatkan buku teks digital?

Murid boleh memuat turun buku teks digital melalui portal DELIMa di pautan: www.moe-dl.edu.my, atau guru boleh membantu memuat turun buku teks digital, mencetak serta mengedar mengikut tajuk yang diperlukan sahaja.

Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum

20. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan secara bersemuka?

Tidak. Walau bagaimanapun, aktiviti secara dalam talian dibenarkan sehingga pemakluman terkini oleh KPM.

21. Adakah aktiviti fizikal bagi tujuan PdP mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan di luar bilik darjah dibenarkan?

Ya, dengan mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.

Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam

22. Adakah pentaksiran pusat dan peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/ STPM/DVM akan diteruskan?

Ya.

23. Adakah pentaksiran pusat dan peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/ STPM/DVM akan diteruskan jika sekolah diarah tutup semasa peperiksaan berlangsung?

Ya.

24. Adakah Peperiksaan Percubaan SPM tahun 2020 yang belum selesai akan dilaksanakan?

Ya. Peperiksaan ini akan dilaksanakan apabila sekolah dibuka.

Pentaksiran Kemasukan Murid Ke Sekolah Khusus (PKSK)

25. Adakah PKSK akan dilaksanakan dalam tempoh PKPB/PKPP?

Ya. Pelaksanaan PKSK diteruskan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

26. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon sebelum menduduki PKSK?

Semua calon hendaklah mencetak slip menduduki PKSK dan surat kebenaran khas menghadiri PKSK di pautan berikut:

- i. <https://spskt1.moe.gov.my> (Tingkatan Satu); atau
- ii. <https://spskt4.moe.gov.my> (Tingkatan Empat)

27. Adakah calon boleh menukar pusat PKSK?

Ya. Calon perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Pusat Pentaksiran di pusat PKSK yang dimohon.

28. Adakah calon bergejala dibenarkan menduduki PKSK?

Tidak. Ibu bapa/penjaga perlu mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Perubatan Bertauliah dan memaklumkan kepada Ketua Pusat Pentaksiran. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

29. Adakah calon yang dikuarantin dibenarkan menduduki PKSK?

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas tamat tempoh kuarantin. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

30. Adakah calon yang positif COVID-19 dan dirawat di hospital boleh menduduki PKSK?

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas discaj. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

Pengoperasian Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi

31. Bilakah IPG dibenarkan beroperasi secara bersemuka?

IPG bagi negeri Kumpulan A akan mula beroperasi pada 17 Januari 2021 dan 18 Januari 2021 bagi negeri Kumpulan B.

32. Adakah pelajar IPG yang dikuarantin disebabkan COVID-19 perlu mengikuti PdP?

Ya. Pelajar IPG akan mengikuti PdP secara dalam talian.

33. Adakah praktikum/internship bagi pelajar IPG akan

dilaksanakan?

Ya.

34. Bagaimanakah pelaksanaan PdP di Kolej Matrikulasi yang berada dalam kawasan PKPB/PKPP?

PdP dilaksanakan secara hibrid di Kolej Matrikulasi masing-masing.

35. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi perlu menduduki *Malaysian University English Test (MUET)* Tahun 2020 yang tertangguh?

Ya. Pelajar boleh merujuk kepada laman sesawang Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan: www.mpm.edu.my.

36. Adakah semua pensyarah dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru perlu hadir ke IPG/ Kolej Matrikulasi sepanjang tempoh PKPB/PKPP?

Ya. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan BDR dengan mengambil kira tugas yang memerlukan keberadaan mereka di pejabat.

37. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam di hujung minggu?

Tidak.

38. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat pelajar Kolej Matrikulasi yang tinggal di asrama?

Ya.

Pengoperasian Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN) dan Pusat

GENIUS Kurnia (PGK)

39. Adakah PAGN dan PGK di kawasan PKPB/PKPP akan beroperasi?

Ya. Berdasarkan kuota yang dibenarkan, keutamaan diberikan kepada ibu bapa/penjaga yang kedua-duanya bekerja.

40. Adakah ibu bapa/penjaga boleh menghantar anak/anak jagaan separuh hari ke PAGN?

Ya. Walau bagaimanapun, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan lebih awal kepada pendidik supaya aktiviti dan rutin anak/anak jagaan dapat dirancang dengan baik.

- TAMAT -